

03 SEP 2001

MAHATHIR-BSKL

PRESIDEN BSKL SEPENDAPAT DGN PM MENGENAI PERLUNYA STRATEGI MELABUR
JANGKA PANJANG

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Datuk Mohamed Salleh Majid hari ini bersetuju dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pelabur di kaunter-kaunter BSKL tidak harus mengasaskan keputusan pelaburan mereka pada khabar-khabar angin yang melanda pasaran.

Salleh berkata, walaupun pasaran saham memerlukan spekulasi yang berpatutan, sikap terlalu bergantung kepada khabar-khabar angin untuk mengurus niaga tidak digalakkan.

"Ini bukan pertama kali Perdana Menteri memberikan nasihat ini," kata Salleh.

Dr Mahathir memberitahu peserta-peserta pada Sidang Kemuncak Modal Malaysia di sini hari ini bahawa BSKL adalah untuk pelabur-pelabur serius yang mempunyai pandangan strategik dan niat yang ikhlas untuk membuat pelaburan jangka panjang yang menguntungkan.

"Usah perjudikan nasib di pasaran saham kerana khabar-khabar angin ini mungkin melanda tanpa batasan.

"Bagi mereka yang kurang daya ingatan, sejarah baru-baru ini telah membuktikan bahawa kebanyakan khabar-khabar angin ini tidak benar sama sekali," kata Perdana Menteri.

Perdana Menteri juga berkata bahawa Malaysia sedang berusaha keras untuk membina sebuah pasaran modal yang boleh mencerminkan bentuk kukuh hipotesis pasaran cekap, di mana harga saham dalam pasaran akan mencerminkan sepenuhnya semua maklumat yang ada dan di mana tidak terdapat sebarang urus niaga berasaskan khabar angin.

Sebagai sebahagian daripada usaha BSKL untuk menggalakkan pelaburan bermaklumat yang lebih berasaskan fundamental daripada spekulasi dan sentimen, kata Salleh, BSKL akan mengadakan Minggu Pelabur Tahunannya di sini dari hari Rabu hingga Ahad ini.

Minggu Pelabur akan menampilkan majlis-majlis taklimat syarikat, pameran oleh persatuan-persatuan industri dan pengawal selia dan ceramah-ceramah oleh pakar-pakar mengenai pelaburan bermaklumat.

"Perlunya kefahaman yang lebih mendalam mengenai pasaran modal negara kita adalah jelas ekoran sambutan hangat yang kita terima daripada Minggu Pelaburan sulung tahun lalu," kata Salleh.

Katanya, ramai rakyat Malaysia masih tidak menyedari peluang-peluang yang ada dalam pasaran modal tempatan.

"Dan pada masa ini, seseorang itu tidak perlu ada akaun bank yang besar untuk menjadi seorang pelabur yang berjaya dalam pasaran saham, memandangkan pelbagai produk pelaburan yang ada," katanya.

Satu keistimewaan pada Minggu Pelabur tahun ini ialah usaha BSKL untuk menggalakkan pelaburan di kalangan remaja yang berusia di antara 12 dan 16 tahun.

"Kita mahu dedahkan mereka kepada asas-asas melabur," katanya ketika merujuk kepada Program Pelabur Remaja BSKL yang akan diadakan Sabtu dan Ahad ini.

Program ini dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Penganalisis Pelaburan dengan kerjasama Strategi Didik Sdn Bhd. Peserta-peserta akan didedahkan kepada asas-asas pelaburan dan saham. Mereka juga akan berpeluang membeli dan menjual "saham olok-olok" dan diajar tentang asas-asas wang.

Butiran lanjut mengenai minggu pelabur ini boleh didapati di laman web

BSKL, di alamat www.klse.com.my. -- BERNAMA
SHY SEL KY AA